

**Pemimpin, Kerajaan Yang Baik Bawa Pembangunan Kepada Rakyat, Kata Taib Bernama  
1 Oktober, 2012**

KUCHING, 1 Okt (Bernama) -- Rakyat akan kekal menikmati kemajuan dan pembangunan jika mereka dipimpin oleh pemimpin dan kerajaan yang bertanggungjawab, kata Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau berkata rakyat hari ini sudah boleh membuat penilaian mereka sendiri dan melihat apa yang telah kerajaan dan pemimpin buat untuk kebaikan mereka selama ini.

"Pemimpin dan kerajaan yang baik sentiasa merancang apa yang baik untuk rakyat dan bukan sekadar untuk kesenangan sebelah pihak sahaja," kata Taib ketika berucap pada perasmian Pasar Komuniti Stutong (PKS) di sini Isnin.

Beliau berkata sebagai contoh dalam pembangunan bandar raya Kuching pihak pemimpin peringkat kerajaan tempatan sentiasa mengambil berat terhadap kehendak dan keperluan rakyat.

Menurutnya, walaupun ada sesetengah pihak kurang senang dengan pembangunan yang dibuat namun hakikatnya ramai berharap agar ia dapat dilaksanakan untuk faedah jangka panjang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698746>